Analisis Semantik Preposisi *Daripada* dan Hubungannya dengan Kata Kerja

Maslida Yusof
Nor Hashimah Hj. Jalaluddin
Zaharani Ahmad
Karim Harun
Universiti Kebangsaan Malaysia
maslida@ukm.my

Abstrak

Nik Safiah Karim et al. (2008:256) dalam *Tatabahasa Dewan* memberikan tiga fungsi preposisi daripada iaitu menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda dan unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda dan perbezaan atau perbandingan. Makalah ini akan menunjukkan kepelbagaian peranan preposisi daripada yang berkolokasi dengan kata kerja yang muncul bersamanya dalam klausa. Makalah ini juga selanjutnya akan menunjukkan bahawa preposisi daripada berperanan sebagai kausatif (penyebab). Kelas kata kerja yang mengambil daripada sebagai membawa maksud kekausatifan adalah terdiri daripada dua kelas kata kerja iaitu kata kerja penyempurnaan seperti *belajar daripada, sembuh daripada* dan kata kerja keadaan yang mempunyai sebahagian makna penyempurnaan seperti *mengetahui/mendapat tahu* dan *mendengar*. Sehubungan dengan itu, kertas ini akan menunjukkan fungsi preposisi daripada bukan sahaja menunjukkan sumber bagi transisi tetapi mempunyai maksud kausatif.

Kata kunci: Preposisi, Preposisi daripada, kata kerja, kausatif, kata kerja penyempurnaan

Abstract

Nik Safiah Karim et al. (2008:256) in Tatabahasa Dewan state three functions of preposition daripada (from) namely, as an indication of source for person, animal, things and abstract, as an indication of source or origin of things and as an indication of differences or contrasts. This article will reveal the various roles of preposition daripada that appear collocated with the verbs in a clause. This article will further discuss the causative role of preposition daripada. Verb classes which denotes daripada as causative are accomplishment verbs such as belajar daripada (learn from), sembuh daripada (recover from) and stative verbs having accomplishment counterparts namely mengetahui/mendapat tahu (know from) and mendengar (hear from). Thus this article will explicate that the function of preposition daripada is not only displayed as source of transition but also has a meaning of causative.

***Keywords**: Prepositions, Preposition daripada, Verbs, Causative, Accomplishment verbs*

Pengenalan

Peranan sumber atau punca sebagaimana yang disenaraikan oleh Tatabahasa Dewan bagi fungsi preposisi daripada mempunyai kaitan/hubungan dengan komponen makna transisi. Transisi bermaksud peralihan daripada suatu keadaan (tempat, tindakan dan lain-lain) kepada yang lain (Kamus Dewan 1989 :1386). Preposisi daripada dan preposisi kepada adalah preposisi yang membawa maksud adanya transisi. Ciri peralihan ini menjadikan preposisi golongan ini bersifat dinamik. Bentuk daripada- mengungkapkan pelbagai jenis transisi iaitu, transisi pemilikan seperti *Mirza menerima buku itu daripada Muaz*, transisi identifikasi seperti *Sarah menterjemah buku itu daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu* dan transisi aktiviti seperti *Cuaca berubah daripada musim hujan kepada musim panas*.

Peranan Preposisi *daripada* yang paling jelas ialah menunjukkan sumber transisi iaitu posisi atau keadaan asal sesuatu objek. Ayat (1) menunjukkan peranan sumber bagi transisi yang diungkapkan oleh preposisi *daripada*.[1]

(1) a. ***Daripada*** pegawai bertugas, mereka mendapat tahu Khalilah telah keluar sejak semalam.

b. Berita itu didengar ***daripada*** seorang dua kawan yang mengenali Khalilah.

c. Majlis Raja-Raja untuk menyeragamkan undang-undang Islam mendapat sokongan ***daripada*** kerajaan-kerajaan negeri termasuk Kelantan.

d. "Kita berjaya mendapat sumbangan yang baik ***daripada*** bekas pelajar yang kini sedang memegang jawatan penting di sesebuah sekolah.

Umumnya preposisi *dari* dan *daripada* mengungkapkan hubungan sumber atau punca iaitu menunjukkan titik asal bagi sesuatu keadaan (*state of affair*). Walau bagaimanapun preposisi *dari* mengungkapkan sasaran manakala preposisi *daripada* menunjukkan hubungan penerima. Untuk membezakan kedua-dua hubungan sumber ini, maka penjelasan berikut boleh diberikan iaitu,

[1] Contoh data dipetik daripada pangkalan korpus Dewan Bahasa dan Pustaka.

Peralihan penerima
Sumber x → y → z x= posisi awal, y= objek dan z= posisi akhir
Gerakan sasaran

Jika berlaku peralihan pada y maka z merupakan penerima. Jika y dalam pergerakan, maka z adalah sasaran. Dalam kedua-dua kes, x adalah sumber dan y adalah tema. Dalam kes *Sarah memberi buku kepada Mirza*, *Sarah* merupakan agen dan sumber. Agen dan penerima juga boleh menjadi peserta yang sama sebagaimana dalam ayat *Sarah membeli buku itu daripada kawannya.*

Dalam bahasa Melayu, hubungan SUMBER diungkapkan oleh preposisi *daripada* dan *dari*. SUMBER yang diungkapkan oleh preposisi *dari* dan *daripada* mempunyai makna yang sejajar dengan makna PENERIMA iaitu digunakan dalam peralihan pemilikan sebagaimana ayat *Sarah mengambil buku itu daripada adiknya* dan dalam perubahan lokasi sebagaimana ayat *Mirza berlari dari rumah yang terbakar itu.* Pertentangan antara SUMBER dengan SASARAN dan SUMBER dan PENERIMA digambarkan dengan penambahan TIDAK kepada representasi semantik. Sehubungan dengan itu ungkapan SUMBER dalam bahasa Melayu boleh direpresentasikan sebagai berikut :

(2) SUMBER:argumen pertama dalam konfigurasi SL'…MENJADI TIDAK **mempunyai'/di-lok'** (y,z)'

Representasi ini menunjukkan pemilikan atau lokasi dipancangkan ke bawah 'MENJADI/INGR TIDAK dalam struktur logik (SL) dan dalam bahasa Melayu, representasi ini diwakili oleh preposisi *dari* dan *daripada*. Preposisi *dari* menunjukkan hubungan sumber arah bagi lokasi yang melibatkan perubahan lokasi (MENJADI TIDAK **di-lok'**(x,y)). Preposisi *daripada* pula merujuk kepada perubahan transisi (MENJADI TIDAK **pred'** (y,z)).[2] Perbezaan ini ternyata jelas apabila kita melihat hubungan kedua preposisi ini dengan kata kerja. Preposisi *dari* berhubungan dengan kata kerja gerak, sementara preposisi *daripada* berhubungan dengan kata kerja peralihan (mengambil) dan kata kerja kognisi (mengetahui, mendengar) (Maslida Yusof, 2009).

[2] Hal ini membezakan bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris. Oleh sebab dalam bahasa Inggeris, preposisi *from* mengungkapkan makna SUMBER yang boleh merepresentasikan SUMBER peralihan milik dan SUMBER peralihan lokasi begitu juga preposisi *to* yang mengungkapkan makna *kepada*-sasaran milik dan *kepada*-sasaran lokasi.

Preposisi daripada dan hubungannya dengan Kata kerja kausatif penyempurnaan (Peralihan milik)

Preposisi transisi *daripada* dan *kepada* mengungkapkan hubungan peralihan sama ada peralihan milik, peralihan maklumat dan sebagainya. Berasaskan komponen peralihan ini, maka preposisi ini dianggap sebagai preposisi dinamik. Secara keseluruhan, preposisi ini hadir bersama kata kerja kausatif penyempurnaan iaitu peralihan milik (memberi/mengambil), kata kerja persepsi(menunjukkan/melihat, memberitahu/mendengar) dan kognisi (mengetahui) (Maslida Yusof 2006).

Kata kerja kausatif penyempurnaan ialah kata kerja yang mengandungi predikat yang menunjukkan tindakan/peristiwa penyebab yang dihubungkan dengan predikat yang menunjukkan hasil (keadaan) melalui penghubung MENYEBABKAN. Dalam bahasa Melayu, kata kerja seperti *memberi* dan *mengambil* dalam ayat *Ahmad memberi buku itu kepada Ali* dan *Ali mengambil buku itu daripada Ahmad* boleh dianggap sebagai kausatif oleh sebab ayat ini boleh diparafrasakan sebagai *Ahmad menyebabkan Ali mempunyai buku itu* dan *Ali menyebabkan Ahmad tidak mempunyai buku itu*. Predikat kausatif adalah keadaan yang dicetuskan (induced). Keadaan yang dicetuskan adalah kompleks oleh sebab satu keadaan menyebabkan keadaan yang lain. SL bagi keadaan kausatif adalah Φ MENYEBABKAN Ψ, di mana Φ adalah keadaan penyebab yang mencetuskan keadaan satu lagi iaitu Ψ. Operator logik MENYEBABKAN menunjukkan hubungan sebab antara dua keadaan.

Fungsi preposisi *daripad*a adalah untuk menunjukkan hubungan sumber bagi peralihan atau transisi bagi kata kerja seperti *mengambil, membeli, mendapatkan, menerima* dan sebagainya. Fungsi ini bersamaan dengan preposisi *kepada* yang juga menunjukkan peralihan milik apabila hadir bersama kata kerja *memberi, menyerahkan* dan *menjual*. Kata kerja seperti *memberi* dan *menyerahkan* boleh digolongkan sebagai "transisi pemilikan" yang berhubungan dengan preposisi *kepada* manakala kata kerja seperti *mengambil, menerima* dan *mencuri* digolongkan sebagai "transisi ketidakmilikan" yang berhubungan dengan preposisi *daripada*.

SL bagi contoh kata kerja transisi pemilikan ditunjukkan pada (3b) :

(3) Urusan Amin Holding diserahkan ***kepada*** Helmi dengan dibantu oleh beberapa orang pengurus lain yang menjadi kepercayaan Amin.

a. [**melakukan'** (x,Ø)] MENYEBABKAN[(MENJADI **mempunyai'** (y,z)]

b.[**melakukan'** (Ø,Ø)] MENYEBABKAN[(MENJADI **mempunyai'** (Helmi,Amin Holding)]

SL yang sama direpresentasikan bagi kata kerja 'transisi ketidakmilikan' seperti *mengambil* dalam contoh data (4).

(4)Ripin mengambil lampu suluh ***daripada*** tangan orang yang memegangnya dan menyuluh ke muka perempuan yang sudah tidak bernyawa lagi itu.

a. [**melakukan'** (x,Ø)] MENYEBABKAN[(MENJADI TIDAK **mempunyai'** (y,z)]

b. [**melakukan'** (Ripin,Ø)] MENYEBABKAN[(MENJADI TIDAK **mempunyai'** (tanga orang, lampu suluh)]

Kedua-dua SL bagi kata kerja transisi pemilikan dan ketidakmilikan adalah sama. Hanya yang membezakan kedua SL ini adalah operator TIDAK. Berasaskan persamaan struktur logik bagi kedua jenis kata kerja ini, maka kita boleh menggabungkan kedua-dua struktur logik ini menjadi satu SL bagi kedua-dua peralihan pemilikan dan ketidak milikan seperti berikut:

(5) [**melakukan'**(w,Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI TIDAK **pred'**(x,y) & MENJADI **pred'**(z,y)].

SL (5) menyatakan bahawa jika w=x, maka SL merupakan pemilikan iaitu tema (y) beralih daripada kepunyaan w kepada kepunyaan z. Ini merupakan kes seperti ayat (6):

(6) Memberi buah pinggang ***kepada*** Khalilah bermakna satu pengorbanan cinta yang melebihi cinta kepadanya selama ini.

Sebaliknya jika w=z maka SL adalah ketidakmilikan iaitu tema (y) beralih daripada kepunyaan x kepada kepunyaan w iaitu sebagaimana contoh (7) dan (8):

(7) Ribin mengambil lampu suluh ***daripada*** tangan orang yang memegangnya dan menyuluh ke muka perempuan yang sudah tidak bernyawa lagi itu.

(8) Biah isterinya yang baru sampai ke tempat itu menghulurkan tangan mengambil anak kecil itu ***daripada*** suaminya dan dipeluk ke dadanya erat-erat.

SL (5) memperlihatkan SL bagi kata kerja pemilikan seperti *memberi* menjadi lebih serupa dengan SL bagi kata kerja ketidakmilikan seperti *mengambil*. Yang membezakan kedua jenis kata kerja ini adalah peletakan argumen x dan y dalam struktur logik. Berdasarkan SL (5), analisis ini menghasilkan SL bagi ayat (7- 8) adalah seperti berikut :

(7a) [**melakukan'**(Ripin,Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI TIDAK **mempunyai'**(orang, lampu suluh) & MENJADI **mempunyai'**(Ripin,lampu suluh)]

(8a) [**melakukan'**(Biah, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI TIDAK **mempunyai'**(suami, anak kecil) & MENJADI **mempunyai'**(Biah, anak kecil)]

Preposisi daripada menjadikan fungsi SUMBER bagi argumen x eksplisit iaitu [**melakukan'** (x, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI TIDAK **mempunyai'** (x,z) & MENJADI **mempunyai'** (y,z) dalam kata kerja ketidakmilikan. Struktur logik sebagaimana (5) adalah penting atas dua sebab: pertama SL ini menunjukkan bahawa peserta tunggal (dalam kes ini adalah *Ripin* dan *Biah*) boleh direpresentasikan kepada lebih daripada satu posisi argumen, dan identiti bagi EFEKTOR dan PENERIMA ditandai dengan menggunakan angkubah yang serupa; kedua, SL ini memperlihatkan representasi bagi peristiwa yang kompleks; iaitu satu melibatkan kedua-duanya kehilangan pemilikan dan kedua, kedua-dua akan memiliki iaitu merangkumi argumen SUMBER dan PENERIMA.

Secara ringkas analisis telah memperlihatkan, preposisi *kepada* dan *daripada* merupakan fungsi semantik kepada SL kata kerja penyempurnaan kausatif peralihan. SLnya adalah MENJADI TIDAK **mempunyai'** bagi preposisi *daripada* dan MENJADI **mempunyai'** bagi preposisi *kepada*. Konteks peralihan milik ini yang ditandai oleh operator TIDAK mempamerkan pertentangan struktur semantik bagi preposisi *kepada* dan *daripada* sebagaimana ditunjukkan oleh ayat (7a-8a).

Preposisi *daripada* menunjukkan sumber bagi transisi sebagaimana ditunjukkan oleh ayat (9). Analisis ayat yang melibatkan preposisi *daripada* memperlihatkan pola [MENJADI TIDAK **statif'** (y,x)] sebagai Struktur logik (SL) yang mewakilinya.

(9) Biah isterinya yang baru sampai ke tempat itu menghulurkan tangan mengambil anak kecil itu ***daripada*** suaminya dan dipeluk ke dadanya erat-erat.

SL bagi preposisi kata kerja *mengambil* adalah ditunjukkan dalam (9a):

(9a) [**melakukan'**(x, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI TIDAK **mempunyai'** (suami, anak kecil)

Preposisi daripada yang hadir bersama kata kerja kausatif penyempurnaan berhubungan dengan kata kerja peralihan milik (mengambil). Fungsi preposisi daripada dalam konteks ayat yang mengandungi kata kerja ini adalah untuk menunjukkan hubungan sumber bagi peralihan atau transisi bagi kata kerja seperti *mengambil,membeli, mendapatkan, menerima* dan sebagainya. Fungsi ini bersamaan dengan preposisi *kepada* yang juga menunjukkan peralihan milik apabila hadir bersama kata kerja *memberi*, *menyerahkan* dan *menjual*. Kata kerja seperti *memberi* dan *menyerahkan* boleh digolongkan sebagai "transisi pemilikan" yang berhubungan dengan preposisi kepada manakala kata kerja seperti *mengambil, menerima* dan *mencuri* digolongkan sebagai "transisi ketidakmilikan" yang berhubungan dengan preposisi daripada. Kumpulan kata kerja ini digolongkan sebagai kata kerja penyempurnaan peralihan kausatif. Kelas kata kerja ini dianggap sebagai kumpulan kausatif/menyebabkan kerana dalam SL kata kerja ini, muncul operator MENYEBABKAN sebagai sebahagian daripada makna kata kerja tersebut sebagaimana ditunjukkan di bawah. Dengan kata lain, komponen makna kausatif terbit daripada kata kerja itu sendiri dan dalam representasi sintaksis operator MENYEBABKAN MENJADI TIDAK **mempunyai'** direalisasikan melalui preposisi daripada .

Secara ringkas analisis di atas memperlihatkan, preposisi daripada merupakan fungsi semantik kepada SL kata kerja penyempurnaan kausatif peralihan. SLnya adalah MENJADI TIDAK **mempunyai'** bagi preposisi daripada . Operator MENJADI TIDAK mempunyai (y,x) dalam struktur logik kata kerja 'ketidakmilikan' menjadikan fungsi preposisi ini sebagai sebahagian daripada penandaan argumen bagi kata kerja 'ketidakmilikan iaitu bukan predikatif. Preposisi bukan predikatif pula tidak menambah maklumat semantik kepada klausa dan tidak melesenkan argumen yang ditandai mereka. Malah argumen preposisi dilesenkan oleh predikat utama iaitu argumen inti (Van Valin 2005). Dalam hal ini, makna kekausatifan preposisi daripada terjelma dalam kata kerja yang muncul bersamanya dalam klausa.

Satu lagi kata kerja yang mewakilkan kata preposisi *daripada* dalam SLnya adalah kata kerja kausatif penyempurnaan 'transformasi' seperti *membuat, mereka, mengubah* dan sebagainya. Kata kerja ini mengungkapkan dua keadaan di dalam frasa kerja iaitu pertama, kata preposisi *daripada* yang melibatkan bahan mentah misalnya, dalam ayat *Ukiran itu diperbuat daripada logam* dan kedua kata preposisi *kepada* yang melibatkan penghasilan bahan/sesuatu sebagaimana ayat *Logam itu akan diubah kepada bentuk ukiran.* Ayat (10)-ayat (12) merupakan contoh yang menunjukkan kehadiran preposisi daripada dalam ayat yang mengandungi kata kerja penyempurnaan 'tranformasi'.

(10) Kamariah yang sedang membuat patung ***daripada*** kertas akur, segera ke pintu.

a. [**melakukan'**(Kamariah,[**membuat'**(Kamariah, kertas)])] MENYEBABKAN [MENJADII TIDAK **wujud'**(kertas) ∧ [MENJADI **wujud'**(patung)]]

(11) Hanya satu tirai yang dibuat ***daripada*** perca kain yang menjadi batas antara kelambu tempat ibuku dengan ruangan tempat duduk-duduk.

a. [**melakukan'**(x,[**membuat'**(x, tirai)])] MENYEBABKAN [MENJADI TIDAK **wujud'**(perca kain) ∧[MENJADI **wujud'** (tirai)]]

(12) Kalau aku tulis surat kepada pak cikku, tentulah dapat mereka itu membuat dinding ***daripada*** pelupuh menggantikan tirai itu.

a.Kalau aku tulis surat kepada pak cikku, tentulah dapat [**melakukan'**(GN3,[**membuat'**(GN3, dinding)])] MENYEBABKAN [MENJADII TIDAK **wujud'**(pelupuh) ∧ [MENJADI **wujud'**(dinding)]]

Dalam bahasa Melayu, kata kerja dalam ayat (10-12) boleh dianggap sebagai kata kerja kausatif penyempurnaan 'transformasi' iaitu kata preposisi *daripada* menunjukkan hubungan antara bahan mentah dan penghasilan sesuatu daripada bahan tersebut.


Dengan demikian, preposisi *daripada* menunjukkan fungsi bagi SL kata kerja kausatif penyempurnaan yang bercirikan [-statik,+titik penamat,-ketepatan masa] iaitu peralihan milik, dan tranformasi yang mana SL masing-masing adalah MENJADI **statif'** dan MENJADI TIDAK **statif'**. Secara dasarnya, struktur ini dianggap sebagai ciri primitif bagi preposisi kata *daripada.*

Preposisi daripada dan hubungannya dengan Kata Kerja Penyempurnaan (pemulihan)

Preposisi daripada juga hadir dalam kata kerja penyempurnaan kategori pemulihan seperti sembuh (daripada) atau sedar (daripada)- misalnya dalam ayat *Ali sembuh daripada penyakitnya* atau *Ali tersedar daripada termanggu*. Preposisi daripada yang hadir bersama kata kerja penyempurnaan keadaan ini tidak membawa hubungan kausatif sebagaimana di atas. Oleh itu bagi kata kerja penyempurnaan seperti *sembuh* dan *sedar* susulan peristiwanya adalah terpisah. Struktur logik bagi ayat *Ali sembuh* adalah ditunjukkan sebagaimana (12):

(13) [**sakit'**$_1$ (Ali$_1$) & [MENJADI TIDAK **sakit'** (Ali$_1$) & [MENJADI **sembuh'**$_2$(Ali) & [**sembuh'** $_2$ (Ali)]

SL (13) menyatakan, pada bahagian awal menerangkan bahawa Ali sakit. Operator MENJADI menandakan perubahan Ali dan [**sembuh'** (Ali)] menerangkan keadaan akhir yang diterangkan oleh SL (13). Oleh itu susulan kedua peristiwa ini dianggap sebagai dua peristiwa yang terpisah sebagaimana dapat ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Rajah 1. Situasi Urutan Ditandai Oleh Preposisi *Daripada* - Terpisah

Dalam rajah 1, situasi 1 merujuk kepada situasi Ali sakit dan situasi 2 merujuk kepada situasi Ali sembuh daripada sakit. Dua situasi ini (iaitu situasi sakit dan situasi sembuh) berlaku secara berpisah dan preposisi daripada menjadi penghubung kepada dua situasi ini.

Preposisi daripada sebagai kausatif

Selain daripada kemunculan preposisi daripada bersama kelas kata kerja kausatif penyempurna 'ketidakmilikan', transformasi dan pemulihan, preposisi daripada juga muncul dengan dua kelas kata kerja lain iaitu kata kerja pencapaian yang mempunyai sebahagian makna penyempurnaan seperti *belajar daripada* dan kata kerja keadaan yang

mempunyai sebahagian makna penyempurnaan seperti *mengetahui/mendapat tahu* dan *mendengar*. Bersama kelas kata kerja ini, makna MENYEBABKAN boleh diungkapkan secara tidak langsung iaitu SL preposisi daripada menyediakan komponen kausatif yang tidak ada dalam SL kata kerja tersebut. Preposisi daripada yang muncul bersama kata kerja persepsi dan kognisi berfungsi sebagai predikatif. Preposisi predikatif berfungsi sebagai predikat kerana ia memberi maklumat semantik kepada klausa (Van Valin & LaPolla 1997; Van Valin 2005). Maklumat semantik yang diberikan kepada klausa datangnya daripada makna preposisi itu sendiri dan juga makna argumen yang dilesenkan oleh preposisi itu.Ini kerana kemunculan preposisi ini dalam sesuatu klausa tidak dicetuskan oleh SL kata kerja tersebut sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam kata kerja ketidakmilikan di atas. Maklumat semantik yang diberikan kepada klausa datangnya daripada makna preposisi itu sendiri dan juga makna argumen yang dilesenkan oleh preposisi itu. Dalam keadaan ini, fungsi predikatif yang dibawa oleh sesuatu preposisi adalah sama dengan frasa adverba iaitu preposisi ini menambah maklumat mengenai lakuan, objek atau proses. Apabila preposisi daripada muncul bersama kata kerja keadaan persepsi dan kognisi maka preposisi itu membawa peranan kausatif. Dengan perkataan lain, SL bagi *daripada* menyediakan komponen kausatif yang tidak ada dalam SL kata kerja keadaan (mendengar,mendapat tahu.).

Peranan kausatif preposisi daripada boleh ditunjukkan melalui kelas kata kerja keadaan yang mengungkapkan penyebab secara tidak langsung. Sebagai contoh ayat 14 (a-d).

14. a. Adik mengetahui bahasa Jepun daripada kawannya.

b. Berita itu didengar daripada seorang dua kawan yang mengenali Khalilah.

c. Daripada pegawai bertugas, mereka mendapat tahu Khalilah telah keluar sejak semalam.

d. Menurut seorang jururawat yang mendapat cerita daripada kakitangan ambulans, kereta Khairuddin remuk.

Ayat-ayat (14) merupakan ayat yang mengandungi kata kerja keadaan iaitu kata kerja yang bercirikan [+ statik] [-dinamik] [-titik penamat] dan [- tempoh masa]. Dalam ayat keadaan,

14 (a-d), preposisi daripada menyediakan perkaitan antara situasi akibat (konsequen) dengan situasi sebabnya (antesiden). Dengan kata kerja kata kerja keadaan -dengar (daripada) dan tahu (daripada) - daripada menandakan situasi antiseden dan kausatif diimplikasikan secara tidak langsung. Peranan daripada dalam ayat-ayat di atas adalah 'penyebab' atau secara tidak langsung sebagai kausatif. SL bagi daripada menyediakan komponen kausatif yang tidak hadir dalam SL kata kerja keadaan (mendengar,mendapat tahu.). Peranan daripada dalam ayat 14(b) dan 14(c) boleh diparafrasa sebagai klausa kompleks seperti *daripada seorang dua kawan= hasil pemberitahuan seorang dua kawan* dan *daripada pegawai bertugas= hasil pemberitahuan pegawai bertugas*. Ayat 14(a) - 14(d) menerangkan rentetan peristiwa terdahulu serta akibat atau kesan misalnya, dalam ayat 14(b) *Mereka mendapat tahu* adalah akibat daripada peristiwa terdahulu/ (anteseden) iaitu *pegawai memberitahu* dan dalam ayat 14(d), *jururawat itu mendapat tahu kereta Khairuddin remuk* adalah hasil pemberitahuan *kakitangan ambulans*. Sehubungan dengan itu, preposisi predikatif daripada menandakan situasi terdahulu/ anteseden) iaitu sumber terdahulu yang menyebabkan secara tidak langsung makna 'menyebabkan' diimplikasikan.

Situasi yang ditunjukkan oleh kata kerja kata kerja keadaan seperti *mendengar* dan *mengetahui* yang menerima peranan predikatif daripada dapat dianggap sebagai peristiwa interval (masa antara dua peristiwa) dan struktur semantik bagi predikatif daripada dapat ditentukan sebagai berikut :

(15) **Daripada'**: [**statif'**$_1$ (x)] & [MENJADI TIDAK **statif'**$_1$ (x)] & [MENJADI **statif'**$_2$(x)] & [**statif'**$_2$ (x)]


Berasaskan SL bagi predikatif *daripada*, didapati kata kerja penyempurnaan seperti *belajar* dan kata kerja keadaan seperti *mendengar* dan *mengetahui* sebagai peristiwa susulan iaitu urutan atau susulan dua peristiwa apabila hadir bersama preposisi *daripada*. Urutan atau susulan antara antiseden dan konsequennya adalah bertindih atau bertindan. Misalnya bagi kata kerja keadaan seperti *mendengar* dalam ayat di bawah.

(16) Berita itu didengar ***daripada*** seorang dua kawan yang mengenali Khalilah.

Bagi kata kerja *mendengar*, *mengetahui* dan *belajar* daripada menandakan peristiwa susulan anteseden iaitu x mendapat tahu tahu (kesan/akibat) hasil pemberitahuan y (anteseden). Dalam kes ini terdapatnya 'pertindihan' antara dua peristiwa oleh sebab situasi anteseden (iaitu orang yang pertama mengetahui (sesuatu)) masih lagi berterusan. Struktur logik bagi ayat (16) adalah seperti berikut:

(16a) [**mengetahui'** (kawan) $_1$] & [MENJADI **mengetahui'** $_2$ (x)] & [**mengetahui'**$_2$ (x)]

Dalam struktur logik (11a), segmen MENJADI TIDAK bagi SL tidak ada dalam struktur kedua. Ini kerana situasi anteseden masih berterusan/bersambungan iaitu keadaan 1 (iaitu maklumat itu masih disimpan atau diketahui oleh orang yang memberitahu maklumat itu). Gambaran situasi yang berterusan ini dapat ditunjukkan dalam rajah di bawah



Rajah 2. Situasi Urutan Ditandai Oleh Preposisi *Daripada* – Bertindan

Rajah 2 menunjukkan dua situasi yang bertindan antara satu sama lain. Situasi 1 merupakan situasi awal pemberitahu yang tahu maklumat yang hendak diberitahu manakala situasi dua merupakan situasi 2 merupakan maklumat yang diberitahu kepada pendengar. Dua situasi ini bertindan kerana sungguhpun berlaku pemindahan maklumat, tetapi maklumat yang ada pada si pemberitahu masih tetap ada.

Kesimpulan

Berasaskan analisis ini, kita boleh menyimpulkan bahawa preposisi daripada menunjukkan 2 jenis hubungan iaitu sebagai sumber peralihan milik, transformasi dan pemulihan. Preposisi yang hadir bersama dengan kata kerja ini membawa peranan sebagai sumber dan penghubung antara dua keadaan. Preposisi ini juga menjadi sebahagian daripada kandungan semantik kata kerja iaitu kategori kata kerja penyempurnaan kausatif. Dengan fungsi ini maka preposisi ini dianggap sebagai bukan predikatif. Preposisi preposisi juga membawa peranan sebagai peristiwa anteseden-konsekuen khususnya jika hadir bersama

dengan kata kerja kognisi seperti mendengar dan mendapat tahu. Secara fizikal atau makna literalnya, preposisi daripada membawa peranan sumber tetapi melalui sistem dekomposisi leksikal kita dapati secara tersiratnya peranan sumber ini membawa maksud kausatif. Dalam kata kerja kausatif penyempurnaan 'ketidakmilikan', peranan kausatif ditunjukkan melalui kata kerja tersebut manakala apabila preposisi daripada muncul bersama kata kerja keadaan dan pencapaian, preposisi daripada menghubungkan antara sebab dengan penyebabnya.

Penghargaan

Kertas ini merupakan sebahagian daripada analisis penyelidikan bagi projek UKM-SK-05-FRGS0074-2009 (Pengelasan baru kata kerja: satu analisis morfosemantik).

Rujukan

Maslida Yusof. 2006. Representasi semantik preposisi dalam kata kerja bahasa Melayu. *Jurnal pengajian Melayu*. 17: 112-135.

Maslida Yusof. 2009. Analisis preposisi lokatif bahasa Melayu berdasarkan kerangka Role and Reference Grammar (RRG). *GEMA Online Journal of Language Studies*. 9(1): 17-33

Maslida Yusof. 2009. Fungsi frasa preposisi: Predikatif lawan non-predikatif. *Jurnal Linguistik Indonesia*. 2: 197-216

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Van Valin & LaPolla. 1997. *Syntax: structure, meaning and function*. Cambridge: Cambridge University Press.

Van Valin, R. 2005. *Exploring the syntax-semantics interface*. Cambridge: Cambridge University Press.